

Selamba **kebas** bot JKDM

Pihak berkuasa Thailand temui bot dicuri sindiket di sungai dekat perairan Satun

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Sindiket penyeludup di sempadan Malaysia-Thailand semakin berani mencabar undang-undang negara apabila nekad melarikan bot milik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis yang diletakkan di jeti Pejabat JKDM Cawangan Penguatkuasaan/Marin Kuala Perlis pada 13 Januari lalu.

Kehilangan aset JKDM itu berjaya dirungkai selepas pihak berkuasa Thailand yang terdiri daripada polis, kastam dan maritim negara itu berjaya menemui semula bot berkenaan di sungai berhampiran perairan Satun, Thailand pada 16 Januari lalu.

Pengarah JKDM Perlis Ismail Hashim berkata, kejadian dipercayai berhubung kait dengan siri operasi pembanterasannya penyeludupan terutama daun ketum di perairan Perlis yang dijalankan pihaknya.

"Kehilangan bot fiber disedari pada pagi 13 Januari menyebabkan kita terus membuat laporan polis di Balai Polis Kuala Perlis dan kita percaya kemungkinan ia dicuri antara jam 4 hingga 6 pagi pada tarikh berkenaan dengan memotong tali yang menambatnya dengan pelantar jeti.

"Bot dianggarkan bernilai RM150,000 itu sering digunakan pihak kita untuk risikan dan rondaan.

"Kita percaya sindiket penyeludupan sebenarnya cuba mendapatkan balik bot milik mereka yang kita rampas dan sita dengan menceroboh kawasan jeti kita.



ISMAIL menunjukkan gambar sampan fiber digunakan sindiket yang dirampas di kawasan perairan Pulau Ketam, Muara Sungai Kuala Perlis ada 18 Januari lalu.

"Keadaan paras air di jeti kita pada waktu itu surut, bot milik supek yang dirampas tidak dapat dialih disebabkan berada di kawasan terbabit sehingga menyukarkan pergerakan bot di mana mereka kemudian nekad mencuri bot kita"

Pengarah JKDM Perlis, Ismail Hashim

"Namun disebabkan keadaan paras air di jeti kita pada waktu itu surut, bot milik supek yang dirampas

tidak dapat dialih disebabkan berada di kawasan terbabit sehingga menyukarkan pergerakan bot di mana mereka nekad mencuri bot kita dengan menundanya untuk dibawa ke Thailand," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Pejabat JKDM Cawangan Penguatkuasaan/Marin Kuala Perlis di sini, semalam.

Menurutnya, siasatan dan operasi bersepadu dijalankan dengan kerjasama pihak berkuasa Thailand berjaya menemui bot yang hilang itu di sebalik pokok di kawasan sungai di Khlong Senten, Tambon Tam-malang, Satun yang berjarak 30 kilometer dari jeti JKDM di Kuala Perlis pada 16 Januari lalu.

"Sampan ditemui dalam keadaan sempurna tanpa

pengubahsuaian terhadap badan bot itu dilakukan, malah enjinnya juga masih ada ketika ditemui pihak berkuasa negara itu namun kita percaya, pihak penyeludup berhasrat melakukan pengubahsuaian dan berkemungkinan menjualnya termasuk komponen enjin.

"Sehubungan itu, bot milik kitaditunda pihak berkuasa Thailand dan kini berlabuh di sebuah jeti milik pihak berkuasa negara itu di Satun, Thailand dan penyerahan kembali aset akan dilakukan dalam masa terdekat," katanya.

Ismail berkata, walaupun laporan polis sudah dibuat, pihaknya menjalankan satu siasatan dalaman untuk menyiasat kehilangan sampan berkenaan termasuk meneliti segala aspek

keselamatan di kawasan jeti berkenaan.

"Kita jalankan siasatan menerusi penubuhan jawatankuasa siasatan dalaman di mana siasatan kita merumuskan kehilangan sampan milik kita tiada unsur atau anasir 'orang dalam' sebaliknya lebih kepada tindakan balas dendam daripada pihak penyeludup terhadap kerugian yang ditanggung mereka.

"Kita tolak kemungkinan wujudnya pembabit nelayan tempatan dan negara jiran dalam hal ini kerana bot nelayan yang cuba diambil kembali pihak penyeludup adalah bot dari negara ini namundilarikan ke negara jiran dan ini ada kaitan dengan siri rampasan membabitkan ketum, dadah dijalankan selama ini," katanya.